

# Ikan lumba-lumba terdampar di Tuaran dirawat di UMS

DE 28-12-2012 2

**Rini Zahlifah Ismail**

KOTA KINABALU: Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah, Prof. Dr. Saleem Mustafa mengesahkan ikan lumba-lumba spinner (*Stenella longirostris*) yang terdampar baru-baru ini menunjukkan tanda-tanda tingkah laku stres.

"Jelas sekali, ikan lumba-lumba ini tidak berada dalam keadaan baik dan kurang rehat."

Ikan lumba-lumba spinner memang diketahui berehat semasa siang hari. Berdasarkan pemerhatian Saleem, ikan lumba-lumba menunjukkan sedikit keresahan setelah tersadai di Borneo Sulaman Corp, Pulau Gandang (dekat hujung Jalan Sulaman, Tuaran).

Selain itu, ia mungkin disebabkan oleh masalah lain yang tidak dapat dikenal pasti dengan pemerhatian luar, tambahnya.

Antara kemungkinan termasuk sakit disebabkan oleh jangkitan, disorientasi, pengambilan organisma mangsa tercemar, keletihan ekstrem dan tersadai semasa air surut.

Mengenai keadaan ikan lumba-lumba itu, beliau berkata, tiada tanda-tanda penyahhidratan ekstrem (atau luaran) - tiada tanda kekeringan kulit atau kulit mengelupas dan merekah yang ekstrem.

"Tetapi sudah pasti berlaku penyahhidratan yang kami tidak tahu. Ia tidak berada dalam keadaan sangat kurus tetapi jika haiwan ini sakit, kesakitan itu mungkin baru berlaku. Mungkin ada kecederaan dalam tetapi kita tidak pasti," ujar Saleem.

Mengenai usaha menyelamatkan ikan lumba-lumba itu yang dikelaskan sebagai antara spesies ikan lumba-lumba terkecil di dunia, Saleem berkata, ia adalah satu usaha bersama antara institut itu dengan agensi kerajaan lain, khususnya unit Penyelamat Hidupan Liar dan NGO.

"Kami dimaklumkan mengenai ikan lumba-lumba ini terdampar di Tuaran kira-kira jam 12 tengah hari pada Rabu," katanya.

Mengulas lanjut tentang ikan lumba-lumba itu, beliau berkata, ia berukuran lebih dari dua meter dengan berat kira-kira 70kg.

"Ia adalah seekor ikan lumba-lumba dewasa dan spesimen matang yang mungkin sekurang-kurangnya berumur tujuh tahun. Ia mempunyai badan yang nipis dan muncung yang panjang."

"Bagaimanapun, kita masih belum ketahui lagi sama ada ikan lumba-lumba ini adalah residen



**DOLFIN yang diselamatkan dibawa masuk ke dalam tangki di Institut Penyelidikan Marin Borneo.**

populasi di Sabah atau berhijrah dari kawasan geografi lain" ujarnya.

Bagaimana ia ditangani?

"Dengan bantuan mereka yang sukarela membantu dalam usaha menyelamatkan, ikan lumba-lumba akan dipastikan sentiasa basah dan sejuk dengan menyimbah air pada kulitnya kerana ia telah terdampar semasa siang hari di bawah matahari terik. Kami juga akan pastikan air simbah tidak terkena lubang pancut."

"Penyelamat mengelak untuk melepaskan haiwan ini ke laut kerana kami bimbang mengenai risiko yang timbul kerana jika ikan lumba-lumba ini sakit ia mungkin akan tersadai di tempat lain di lokasi pedalaman dan mungkin akan mati," ujarnya lanjut.

Beliau berkata, ikan lumba-lumba itu sampai di Institut Penyelidikan Marin Borneo jam 4.40 petang pada 26 Disember dan segera dipindahkan ke sebuah tangki besar dalam tempat penetasan yang diatur khas untuk tujuan itu.

Pada awalnya, kata Saleem, haiwan itu berenang dalam keadaan disorientasi tetapi akhirnya ia hampir dapat berenang dalam postur normal.

Bagaimanapun, pada awal pagi Khamis, ikan lumba-lumba itu menunjukkan tanda-tanda keresahan dan berenang dalam keadaan disorientasi, tambah Saleem.

Justeru itu, beliau berkata, mereka akan terus menjaga haiwan itu bagi mengurangkan stres serta menyediakan makanan dan air laut bersih.

"Kami akan memantau keadaan kesihatan ikan lumba-lumba ini mengikut keperluan kuarantin, jadi jika tanda-tanda jangkitan penyakit timbul, rawatan seterusnya akan diputuskan."

"Kami juga akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti kakitangan Penyelamat Hidupan Liar yang terlibat dalam menjayakan usaha ini," katanya, sambil menambah, ikan lumba-lumba itu akan dilepaskan semula ke laut apabila pihaknya mendapati ia sudah cukup kuat untuk menjaga diri sendiri.